

Proton dapat sambutan luar

B.H

17/12/08

M/S 26

KERETA keluaran Proton Holdings Bhd terus mendapat sambutan di luar negara apabila ia menerima 863 tempahan ketika Ekspo Motor Antarabangsa Thailand ke-25, baru-baru ini.

Pengeluar kereta nasional itu menduduki tempat keenam dengan menguasai 5.9 peratus daripada keseluruhan tempahan, mengatasi jenama terkemuka seperti Mazda dengan 767 tempahan, Mitsubishi (756), Ford (301) dan satu lagi pengeluar Ma-

aysia Naza (154).

Syarikat pembuat kereta terbesar Jepun, Toyota mengekalkan kedudukan teratas selepas menerima 4,193 tempahan, diikuti oleh Honda dengan 2,552 tempahan, Isuzu (1,760), Chevrolet (1,194) dan Nissan (1,008).

Lebih 1.5 juta orang mengunjungi ekspo itu yang menerima 14,000 tempahan.

Pengurus Besar (Operasi), Phranakorn Auto Sales, Api-chart Wangsatorntanakhun, berkata jumlah jualan tahun

ini berkurangan 20 peratus berbanding purata 1,050 unit pada tahun lalu.

“Namun, kami berpuas hati dengan bilangan tempahan kerana semua syarikat pengeluar lain juga menyaksikan penurunan 20 hingga 30 peratus dari segi tempahan,” katanya di Bangkok, semalam.

Katanya, Persona CNG adalah model yang paling banyak ditempah pada ekspo itu manakala Gen 2 dan Satria Neo juga mendapat perhatian.